

28/12/2001

NUTP tidak harus ikut rentak politik pembangkang

Dr Mohd Azam Rauzan

DALAM keghairahan semua lapisan rakyat merayakan sambutan Aidilfitri baru-baru ini, kita dikejutkan dengan berita muka depan mengenai pengasingan pelajar di sekolah mengikut kaum sebagaimana didakwa Setiausaha Kehormat Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Datuk N Siva Subramaniam.

Isu yang sepatutnya boleh diselesaikan di meja rundingan - jika kesatuan itu memilih untuk menyelesaikan secara profesional - sebaliknya menjadi satu isu nasional apabila Siva memilih untuk mensensasikannya dengan membuat kenyataan akhbar dalam suasana hari raya.

Pemilihan waktu serta cara pengumuman itu dibuat sempena musim perayaan, amat tidak wajar.

Memang telah menjadi satu budaya kita rakyat Malaysia yang berbilang kaum menyambut suasana perayaan dengan semangat muhibah serta kekeluargaan yang unik.

Lantaran mengapa Siva memilih untuk mengumumkannya ketika seluruh rakyat Malaysia sedang menyambut hari raya hanya diketahui oleh beliau serta jawatankuasanya saja.

Selaku bekas Pengerusi Biro Pendidikan Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Pulau pada penggal lalu, saya secara tidak langsung dapat berkerjasama rapat dengan guru kaunseling sekolah di daerah Johor Bahru ketika mengadakan beberapa siri program motivasi.

Hasil kesempatan itu, saya dapat memahami isu serta permasalahan yang dibawa oleh NUTP.

Namun, apa yang saya perturunkan dalam artikel ini adalah pendirian peribadi saya.

Sebagai satu kesatuan, saya kurang pasti sama ada NUTP mewakili majoriti guru di seluruh negara kerana ada beberapa lagi kesatuan guru lain yang rata-rata tidak bersetuju dengan isu yang dibangkitkan.

Ini yang menghairankan saya. Bukankah NUTP sepatutnya lebih arif bagaimana untuk membawa isu ini kepada Kementerian Pendidikan melalui saluran perbincangan yang saya rasakan lebih profesional serta tidak nampak seolah-olah ada sentimen perkauman yang ingin diperjuangkan.

Siva harus faham bukan mudah untuk mentadbir sebuah negara seperti Malaysia ini yang menjadi negara model dunia yang telah dapat menyatupadukan rakyatnya yang berbilang kaum dalam suasana kemesraan.

Pada hemat saya, Siva serta ahli jawatankuasanya, termasuk Presiden NUTP, Tengku Habsah Tengku Petra, terikut-ikut rentak segelintir ahli politik pembangkang yang ingin mendapatkan publisiti murahan untuk menjadi juara dalam isu yang kononnya serius ini.

Alasan Tengku Habsah bahawa mereka memilih untuk membongkar isu ini melalui media agar dapat diselesaikan secepat mungkin, adalah terlalu cetek serta berbentuk retorik.

Namun, polemik yang ditimbulkan NUTP menerusi media massa ternyata berkesan apabila mendapat perhatian umum serta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad.

Bukankah Musa seorang menteri liberal yang boleh dengan mudah diajak berunding di samping beliau bukan calang-calang orang dalam bidang pendidikan?

Saya pasti beliau amat arif dalam menentukan sebarang tindakan yang perlu diambil jika perkara ini dibawa ke meja rundingan.

Tentunya cara demikian lebih manis serta beradab, lebih-lebih lagi ia

dibawa oleh kesatuan perguruan berwibawa seperti NUTP.

Tidak keterlaluan dikatakan bahawa dakwaan 10 peratus sekolah di Malaysia mengamalkan pengasingan murid mengikut kaum adalah satu tuduhan melulu yang harus dipandang serius.

Lebih-lebih lagi ia ditimbulkan ketika kerajaan sedang memupuk semangat perpaduan dan bersatu hati dalam kita menghadapi cabaran globalisasi yang tidak dapat kita duga.

Siva hendaklah bertanggungjawab jika tuduhan yang dilemparkannya didapati tidak benar.

Kita tidak tahu sejauh mana benarnya dakwaan itu, tetapi NUTP perlu bertanggungjawab sepenuhnya untuk membuktikan bahawa lebih 800 sekolah menengah atau rendah terbabit dengan dasar pengasingan mengikut kaum.

Dengan hanya menyenaraikan beberapa sekolah seperti yang telah dilakukan tidak bermakna NUTP sudah boleh 'cuci tangan'.

Saya berani mengatakan bahawa isu ini bermula apabila ia dibangkitkan oleh beberapa ibu bapa yang tidak puas hati terhadap penempatan anak mereka dalam kelas yang tidak sepatutnya mereka duduki.

Namun, dalam mencari penyelesaian terhadap isu pokok, NUTP harus berhati-hati dalam membuat andaian serta pertuduhan yang boleh menggugat keharmonian alam pendidikan negara.

Isu pengasingan pelajar yang digembar-gemburkan ini harus dilihat dari beberapa sudut.

Isu kekurangan guru yang NUTP sendiri harus fahami, hendaklah turut diambil kira.

Sewajarnya NUTP bertindak serta bersuara seperti satu badan yang benar-benar mewakili kesatuan perguruan.

Sebaliknya, mereka semacam memiliki suatu agenda yang sukar difahami.

Baru-baru ini, kerajaan memberikan beberapa insentif yang terus memartabatkan profesion perguruan, antaranya kemudahan pinjaman membeli kereta serta kenaikan gred guru besar dan guru penolong kanan.

Tujuannya tidak lain untuk memperbaiki mutu profesion perguruan serta mengurangkan beban kerja mereka.

Namun, NUTP memilih untuk membawa isu terbaru ini yang secara tidak langsung akan menambah tekanan serta beban kerja serta penumpuan guru untuk memberi yang terbaik buat pelajar kita.

Saya berharap dan penuh yakin bahawa isu ini akan ditangani dengan kemas serta cekap oleh Menteri Pendidikan sambil NUTP hendaklah berhenti membuat apa-apa kenyataan yang cuma akan menambah kekeliruan serta mengeruhkan keadaan.

Kenyataan Tengku Habsah yang mengatakan NUTP sedia menarik balik dakwaan jika tidak benar ada pengasingan mengikut kaum di sekolah, amat dikesali.

Seharusnya beliau menimbangkan kesan isu yang dibawa NUTP itu kepada pelajar, ibu bapa serta guru sebelum menimbulkannya.

Tidak semudah itu untuk menarik balik sesuatu pertuduhan, bak kata pepatah 'terlajak perahu boleh berundur, terlajak mulut membawa padah'.

Kemelut yang digembar-gemburkan ini hendaklah diselesaikan secara rasional serta dengan penuh keinsafan dan keikhlasan.

Ibu bapa yang terbabit haruslah mempunyai rasa tanggungjawab serta bersikap tolak ansur serta tidak terlalu mementingkan diri dalam memastikan kita hidup aman damai dalam satu masyarakat berbilang kaum di Malaysia yang kita cintai ini.

Kepada seluruh warga guru di seluruh Malaysia, berikanlah perkhidmatan terbaik kepada pelajar.

Isu-isu seperti ini tidak harus sekali-kali melunturkan semangat mereka untuk terus berbakti kepada nusa dan bangsa dalam merealisasikan matlamat pendidikan negara.

(END)

